

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[ PERMATANG PAUH ]**

**TARIKH : 4 DIS 2019 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [ PERMATANG PAUH ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan :-

- (a) peranan Kementerian memastikan sisa kelapa sawit dimanfaatkan sepenuhnya dalam memastikan kemampanan industri ini; dan
- (b) langkah-langkah penyelesaian dari agensi-agensi seperti MPOB dalam mengatasi masalah penyakit ganoderma yang telah menyebabkan kerugian RM1.5 bilion setahun pada tahun 2011 di negara kita.

**JAWAPAN (a)**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, industri sawit negara mengeluarkan lebih kurang 100 juta tan sisa sawit setiap tahun dalam bentuk biojisim pepejal dan cecair yang terdiri daripada tandan kosong, gentian sawit, tempurung sawit, batang sawit, pelepah sawit dan air kumbahan (*palm oil mill effluent* - POME).

## SOALAN NO : 35

Kementerian melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sedang melaksanakan beberapa strategi bagi memanfaatkan penggunaan biojisim sawit yang juga mampu menjana pendapatan tambahan. Antara teknologi yang telah berjaya dikomersialkan adalah biobahan api pepejal (briket dan pelet), biogas dan bio-CNG daripada POME, bio-komposit (papan gentian berketumpatan sederhana dan papan lapis), bio-baja dan bio-kimia.

Penggunaan bahan biojisim yang boleh diperbaharui dapat mengurangkan kesan pencemaran kepada alam sekitar contohnya:

- i) biobahan api yang dapat digunakan sebagai pengganti sumber bahan api arang batu yang mencemarkan alam sekitar;
- ii) bio-komposit yang dapat digunakan dalam penghasilan produk perabot bagi mengurangkan penebangan pokok-pokok hutan;
- iii) bio-baja yang dapat digunakan sebagai pengganti baja kimia yang mengeluarkan gas rumah hijau; dan
- iv) bio-kimia yang dapat digunakan sebagai pengganti sumber petroleum bagi penghasilan bahan-bahan kimia.

Semua hasil tersebut menunjukkan bahawa sisa kelapa sawit dapat dijadikan produk yang mampan dan mesra alam sekitar. Penggunaan dan pengkomersialan biojisim sawit ini juga boleh menambah pendapatan penggiat industri sawit termasuk perusahaan kecil dan sederhana dan seterusnya meningkatkan pendapatan negara.

### **JAWAPAN (b)**

Tuan Yang Di-Pertua,

MPOB melalui kajian yang dijalankan juga telah menemui beberapa langkah penyelesaian bagi mengatasi penyakit Ganoderma seperti berikut:

## SOALAN NO : 35

- i) Mengawal penyakit Ganoderma dengan menggunakan agen kawalan biologi. MPOB telah bekerjasama dengan syarikat swasta untuk mengkomersialkan dua produk kawalan biologi Ganoderma, iaitu biobaja GanoEF yang mengandungi kulat endofitik dan EMBIO acinoPLUS yang mengandungi aktinomiset tanah. Kedua-dua produk ini telah dikeluarkan oleh syarikat tersebut untuk mengawal penyakit Ganoderma di ladang sawit;
- ii) Kawalan penyakit Ganoderma menggunakan racun kimia. Racun kulat hexaconazole digunakan oleh beberapa penanam sawit sebagai kawalan pemulihan ke atas pokok sawit yang diserang penyakit Ganoderma;
- iii) Kawalan penyakit Ganoderma berasaskan bahan tanaman sawit; dan
- iv) Kawalan penyakit Ganoderma berasaskan organik yang diadunkan dengan unsur surih (pembajaan nutrient). Dua jenis produk mengandungi organik dan nutrient bermanfaat untuk kawalan penyakit Ganoderma, iaitu GanoCare organik dan GanoCare OCSpecial telah berjaya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.